



TETAP WASPADA.... IGB REIT kekal berhati-hati mengenai pertumbuhan jualan runcit, yang akan menjejaskan prestasi penyewa di pusat membeli-belah serta prestasi kewangannya sendiri.

Untung bersih IGB REIT melonjak

KUALA LUMPUR: Keuntungan bersih IGB Real Estate Investment Trust (IGB REIT) untuk suku pertama berakhir 31 Mac 2024 melonjak 3.5 peratus dari tahun ke tahun kepada RM99.61 juta berbanding RM96.22 juta yang direkodkan pada suku pertama 2023.

Hasil meningkat 5.1 peratus kepada RM162.56 juta daripada RM154.61 juta sebelumnya.

IGB REIT dalam satu makluman kepada Bursa Malaysia kelmarin mengaitkan perolehan yang lebih tinggi, pendapatan

hartanah bersih dan keuntungan selepas cukai kepada pendapatan sewa yang agak baik pada suku semasa.

Pendapatan hartanah bersih mencapai paras RM124.2 juta, menokok 4.8 peratus dari tahun ke tahun berbanding RM118.6 juta yang disaksikan pada suku pertama 2023.

Bagaimanapun, IGB REIT kekal berhati-hati mengenai pertumbuhan jualan runcit, yang akan menjejaskan prestasi penyewa di pusat membeli-belah serta prestasi kewangannya

sendiri.

"Cabaran utama bagi industri runcit Malaysia ialah kos sara hidup yang semakin meningkat termasuk tekanan inflasi yang telah menjejaskan perbelanjaan pengguna selain kenaikan dalam kos operasi, susut nilai ringgit berbanding mata wang asing utama yang telah memberi kesan kepada jualan runcit," katanya.

Namun begitu, IGB REIT tetap komited untuk membawa nilai jangka panjang kepada pemegang kepentingannya. - Bernama